

08 AUG 2003

Dompok-Mahathir

UPKO RAKAM PENGHARGAAN BUAT DR MAHATHIR

Oleh: Newmond Tibin

PENAMPANG, 8 Ogos (Bernama) -- Menjelang persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi, Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun

Murut Bersatu (UPKO), satu daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) di

Sabah, mempunyai cara tersendiri untuk merakamkan penghargaannya dengan

mengiktiraf cara Perdana Menteri dalam membawa negara ke tahap lebih tinggi.

Presiden UPKO Tan Sri Bernard Dompok berkata Dr Mahathir telah memberikan Malaysia maruah dan semangat keberanian untuk mengatakan kepada

dunia, "Kami tidak akan menurut arahan, kami akan melakukannya dengan cara kami".

Dompok, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata beliau

memikirkan dengan mendalam semasa menyediakan ucapannya agar beliau dapat

menyimpulkan penghargaan partinya terhadap cara Dr Mahathir mengendalikan

negara sejak 22 tahun lepas.

"Saya teringat yang satu daripada lagu kegemaran Datuk Seri (Mahathir)

ialah "My Way". Saya percaya pilihan lagu kegemaran Datuk Seri mempunyai

mesej tersendiri kepada semua rakyat Malaysia.

"Di fikiran saya, mesej itu ialah -- kita berkeupayaan untuk melakukannya dengan cara kita sendiri -- cara Malaysia," katanya semasa

menyampaikan ucapan sempena Kongres Tahunan kesembilan UPKO di Pusat Kebudayaan Sabah, di sini hari ini, dengan disambut tepukan gemuruh perwakilan yang hadir.

Dompok berkata hakikat bahawa Malaysia telah berkembang dengan pesatnya

bukanlah sesuatu yang diperbesar-besarkan, dan hari ini Malaysia sewajarnya merupakan negara yang paling maju di kalangan negara-negara

sedang membangun.

"Malaysia kini ialah satu daripada negara-negara yang kaya di Asia

Tenggara dan telah lama menjadi antara negara yang paling stabil di Asia,"

katanya.

Beliau berkata: "Selama ini, kita melakukannya dengan cara kita dan

Datuk Seri (Mahathir) yang menunjukkan jalannya".

Dompok
Dalam menggariskan pencapaian Dr Mahathir melalui cara Malaysia,
berkata pertamanya Perdana Menteri memperkenalkan kad perakam waktu
yang merekodkan waktu kerja bagi menggalakkan pekerja Malaysia lebih
menepati masa.

"Dan seiring dengan semangat kekitaan dan beridentiti, YAB
Perdana Menteri memberikan penekanan kepada pelaksanaan kod etika
perkhidmatan awam dan memperkenalkan kempen bersih, cekap dan amanah," katanya.

Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkannya turut
mengetengahkan keperluan terhadap nilai-nilai kerja positif dan memberikan
penekanan terhadap manfaat bagi kumpulan seperti yang dapat dilihat menerusi
kejayaan negara-negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea Selatan, kata
beliau lagi.

Dompok berkata Dr Mahathir turut mengiktiraf keperluan bagi
membangunkan sesuatu yang membanggakan negara menerusi kempen
"Malaysia Boleh".

Dalam hubungan ini, beliau berkata pengenalan, pelaksanaan dan
yang lebih penting pembabitan bakat tempatan dalam pelbagai projek
nasional seperti Proton, Menara KL, Menara Berkembar Petronas, Lapangan
Terbang Antarabangsa KL, Putrajaya dan Koridor Raya Multimedia tidak syak
lagi merupakan bukti terhadap keupayaan rakyat Malaysia mengendalikan
projek-projek yang besar dan sukar.

"Negara dan dunia akan terus mengingati semangat dan ketabahan
Datuk Seri dalam mengenakan kawalan modal dan tambatan ringgit kepada
Dolar Amerika sebagai respons kepada krisis kewangan 1997, bertentangan
dengan preskripsi IMF.

"Dalam perkataan YAB sendiri, 'Ia amatlah sukar. Untuk melakukan
sesuatu yang bertentangan dengan seluruh dunia, untuk membuat
keputusan yang mungkin merosakkan negara keseluruhannya merupakan satu
keputusan yang sukar'," kata beliau lagi.

Bagaimanapun, Dompok berkata keputusan Perdana Menteri itu
terbukti merupakan pilihan tepat bagi rakyat Malaysia dan IMF sendiri
terpaksa

mengakui bahawa langkah-langkah yang "anda ambil kesan daripada krisis kewangan 1997 terbukti amat berkesan.

Beliau berkata: "Dalam perkara ini, sejarah telahpun membuktikan bahawa (tindakan) Datuk Seri adalah betul."

Mengenai politik, Dompok berkata tunggak utama kestabilan berterusan politik negara adalah formula BN yang membawa ketenteraman kepada gabungan parti yang berbilang etnik itu.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan BN yang banyak berjasa dalam membantu masyarakat Kadazandusun Murut di Sabah.

Ini termasuk pengenalan bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah, penubuhan kerusi Kadazandusun di Universiti Malaysia Sabah, sokongan rasmi bagi Yayasan Bahasa Kadazandusun, pengiktirafan kerajaan terhadap Dewan Perdagangan Industri Kadazandusun dan penubuhan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.

-- BERNAMA

NT ROS